

SMART ACCOUNTING SCHOOL
SDN. BHD.

LOT 9, TINGKAT 2
BANGUNAN STAR PARADE
JALAN TELUK WANJAH
05621 ALOR SETAR
KEDAH DARULAMAN

DISEDIAKAN UNTUK:
ENCIK AMRAN AWANG
PENSYARAH ETR 300
ITM CAWANGAN PERLIS

DISEDIAKAN OLEH :

| | |
|-----------------------|----------|
| HASSHILAWATI HASHIM | 95478985 |
| ROHASNI RAMLI | 95638439 |
| ROS ROZILA CHE ROSE | 95198336 |
| SITI AISHAH MAT SAHIR | 95577943 |
| SUZANA JOHARI | 95511638 |

DIA 50

15 SEPTEMBER 1997

ISI KANDUNGAN

| BUTIR-BUTIR | MUKA SURAT |
|-----------------------------------|-------------------|
| 1. SURAT PENYERAHAN | i |
| 2. PENGERTIAN LOGO PERNIAGAAN | iii |
| 3. MUKADIMAH | iv |
| 4. PENGHARGAAN | v |
| 5. SINOPSIS PERNIAGAAN | vii |
| 6. PENGENALAN | 1 |
| 7. TUJUAN | 3 |
| 8. LATAR BELAKANG PERNIAGAAN | 4 |
| 9. LATAR BELAKANG AHLI PERNIAGAAN | 5 |
| 10. PENTADBIRAN | 10 |
| 11. PEMASARAN | 27 |
| 12. OPERASI | 40 |
| 13. KEWANGAN | 58 |
| 14. RUMUSAN | 80 |
| 16. LAMPIRAN | |

SINOPSIS PERNIAGAAN

Nama Syarikat

Smart Accounting School merupakan nama perniagaan yang telah dipilih dan dipersetujui oleh semua pemegang saham. Nama ini dipilih kerana sekolah ini menawarkan program pendidikan khusus dalam Ijazah Perakaunan. Tambahan pula semua pemegang saham adalah graduan dalam bidang perakaunan.

Bidang Kegiatan Syarikat

Operasi syarikat yang akan dijalankan ialah menawarkan perkhidmatan iaitu program pendidikan di peringkat Ijazah dalam bidang Perakaunan. Program ini memberikan peluang kepada pelajar lepasan SPM, STPM, Diploma dan mereka yang sudah bekerja yang berminat untuk melanjutkan pelajaran di dalam bidang perakaunan.

Program Ijazah Perakaunan yang ditawarkan adalah melalui talian internet di mana pelajar hanya perlu berada di rumah. Pelajar akan berhubung dengan pensyarah melalui komputer. Segala nota dan latihan boleh diperolehi dengan memasuki talian internet. Jangkamasa program Ijazah Perakaunan yang ditawarkan ialah selama 3 tahun yang mengandungi 9 semester.

Jenis Perniagaan

Jenis perniagaan yang akan kami jalankan ialah perniagaan Sendirian Berhad (Sdn. Bhd).

Lokasi

Lokasi perniagaan yang kami pilih ialah di Alor Setar, Kedah. Alamat surat-meyurat perniagaan kami ialah di:

Smart Accounting School Sdn. Bhd.

Lot 9, Tingkat 2

Bangunan Star Parade

Jalan Teluk Wanjah

05621 Alor Setar

Kedah Darulaman.

Pasaran

Pasaran kami adalah pelajar seluruh Malaysia yang memenuhi kelayakan dan berminat untuk melanjutkan pelajaran di dalam bidang perakaunan di peringkat Ijazah. Pasaran kami adalah luas kerana sistem pembelajaran ini adalah menggunakan talian internet.

PENGENALAN

Dunia abad ke-21 kini mengalami perubahan terhadap perkembangan pesat industri teknologi maklumat. Bagi menyahut seruan kerajaan maka kami telah memilih sekolah bistari untuk rancangan perniagaan ini. Jenis perniagaan yang akan dijalankan ialah Sendirian Berhad.

Nama perniagaan yang akan dijalankan adalah Smart Accounting School (SAS). Sekolah ini menyediakan program bagi pelajar yang berminat mengikuti kursus Ijazah Perakaunan. Sekolah ini akan mengajar subjek perakaunan untuk melahirkan siswazah yang berketrampilan dan mahir dengan teknologi terkini.

Lokasi perniagaan yang akan dijalankan ialah di bangunan Star Parade Alor Setar Kedah. Sekolah ini tidak memerlukan ruang yang luas kerana pelajar tidak perlu datang ke sekolah tersebut. Buat permulaan kami akan menyewa satu lot ruang pejabat di bangunan Star Parade. Lot ini akan digunakan sebagai pusat pentadbiran sekolah kami.

Rancangan perniagaan kami ini, akan direalisasikan pada tahun 2000. Ini adalah kerana pada era tersebut kami pasti banyak wujudnya infrastruktur berhubung dengan industri maklumat .